

Selain daripada itu yang mengeluarkan zakat fitrah itu mengerti kepada siapa yang lebih utama mengeluarkan fitrahnya iaitu lebih lebih utama baginya didahulukan jirannya, keluarganya yang hampir yang berhajat atau yang dirasanya dan diketahuinya perlu bantuan pada hari yang berbahagia itu.

Memungut fitrah yang berjalan di Semenanjung Tanah Melayu dipandang tidak sesuai apa lagi jika ditujukan untuk menghalau orang-orang yang menerima fitrah di tepi jalan dan menangkap orang-orang miskin di tepi jalan seperti yang dilakukan di Singapura dan sedang diwar-warkan di bandar besar kerana sifat-sifat yang demikian menjauhkan rahim seseorang manusia sesama manusia dan tidaklah yang demikian dijadikan sebab untuk menghalang seseorang untuk bersedekah kepada fakir dan miskin sebagaimana yang diminta oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di Singapura menegah orang ramai berihisan kepada manusia yang menadah tangannya berharapkan bantuan dan ihsan kerana yang demikian itu adalah kezaliman dan satu tegahan kepada agama menutup tangannya daripada menolong sesama manusia.

\* \* \*

#### **Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura**

Setahun lebih lamanya Singapura telah bercantum di dalam Malaysia dan di dalam Perlembagaan Malaysia maka perkara hal ehwal agama di Singapura adalah terletak di bawah kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Di Singapura hendaklah ditubuhkan suatu Majlis Agama Islam yang ditubuhkan untuk menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam perkara agama mengenai hal ehwal orang Islam di Singapura. Setahun sudah lamanya Singapura bercantum di dalam

Malaysia tetapi hingga hari ini Majlis Islam itu tidak juga bertaja sedang di Singapura Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura masih juga ada dan menjalankan kerja sebagaimana adanya sebelum Singapura bercantum di dalam Malaysia.

Baharu-baharu ini di dalam suatu majlis perjumpaan badan-badan Islam yang dianjurkan oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura, setiausaha Jawatankuasa Perhubungan UMNO Singapura Dato' Syed Isa al-Munawwar telah menyatakan kemusykilannya tentang masih adanya Majlis Penasihat Islam Kerajaan Singapura kerana adanya tidak tersebut langsung di dalam perlembagaan. Dengan itu maka di manakah duduknya Majlis Penasihat Islam itu pada sisi undang-undang dalam perlembagaan negeri ini.

Kita telah pun menulis perihal ini dan kita telah pun memperingatkan, berdasarkan perlembagaan bahawa sesudah Singapura bercantum dalam Malaysia maka dengan sendiri, menurut pendapat kita, gugurlah tauliah kepada kadi-kadi (jurunikah) di Singapura dan degannya gugurlah pula kuasa wali hakim bagi menikahkan orang-orang yang tidak ada walinya kerana kuasa agama telah berpindah tangan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Bahkan kita juga telah memperingatkan bahawa Majlis Penasihat Islam Singapura tidak ada haknya lagi untuk meneruskan menjalankan kerja-kerja bagi menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Adakah umat Islam akan membiarkan keleluasaan seperti ini berjalan di Singapura? Jawabnya terpulung kepada umat Islam di Singapura sendiri.

\* \* \*